

23 OCT 2002  
LEAD MAHATHIR-DINAR/I  
DINAR EMAS SUDAH BOLEH DIGUNAKAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata dua negara perdagangan dengan tahap dagangan yang agak berimbang boleh mula menggunakan dinar emas bagi perdagangan global tanpa melibatkan banyak negara lain.

"Kita tidak perlu bercita-cita terlalu tinggi untuk melancarkan dinar emas bagi perdagangan pelbagai hala sekali gus," katanya dalam ucapan penutup seminar antarabangsa mengenai Dinar Emas Dalam Perdagangan Pelbagai Hala anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), di sini.

"Masalah yang timbul boleh diselesaikan dan sistem berkenaan diperbaiki (dan) selepas masalah diselesaikan, perdagangan menggunakan dinar boleh diperluaskan secara berperingkat dengan melibatkan lebih banyak negara," katanya.

Dr Mahathir berkata melalui persetujuan pembayaran dua hala, import boleh diimbangkan dengan eksport dan perbezaannya dijelaskan dalam dinar emas.

Kemudiannya, bank-bank pusat akan menyediakan jaminan bagi emas yang diperlukan bagi baki pembayaran.

Dalam minggu atau bulan yang berikutnya, defisit mungkin dikurangkan atau lebihan dicapai. Dalam hal demikian, pembayaran baki boleh dibuat melalui persetujuan perakaunan antara bank pusat.

"Hanya sekali sekala keperluan mungkin timbul bagi dinar emas yang sebenarnya digunakan untuk pembayaran pembelian import," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata dinar emas boleh menjadi mata wang dagangan bagi semua negara, tidak semestinya negara-negara Islam.

Bagaimanapun, beliau berkata, negara-negara Islam berada di kedudukan terbaik untuk menunjukkan daya maju sistem berkenaan.

"Mereka berada dalam kedudukan untuk mengurus ekonomi mereka secara rasional dan pada masa yang sama, menunjukkan kepada dunia bahawa mereka berkemampuan untuk berkembang dengan stabil dan aman," katanya.

"Dan ini akan memberi lebih banyak hasil dalam usaha menentang penindasan oleh musuh-musuh mereka daripada bertindak balas secara ganas yang sia-sia," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga menegaskan bahawa dinar emas adalah untuk perdagangan antarabangsa secara eksklusif. "Tiada cadangan untuk menggunakan dinar emas sebagai mata wang untuk urus niaga harian dalam pasaran domestik," katanya.

Beliau berkata dinar emas boleh dijadikan sebagai mata wang untuk perdagangan antara negara.

"Sekiranya kita meletak nilai semua barangan perdagangan dengan emas, kita tiada masalah dengan kadar tukaran wang," katanya.

"Kita tahu sebagai jalan terakhir, kita boleh mencairkan emas itu dan menjualnya di pasaran.

"Anda tentunya tidak boleh melakukannya dengan mata wang kertas (dan) lebih teruk lagi, dengan angka-angka di komputer, mereka tidak mempunyai nilai hakiki seperti emas," kata beliau lagi.

Satu lagi kelebihan ialah harga dinar emas tidak akan terjejas oleh perubahan dalam kadar tukaran wang negara-negara pengimport.

"Dalam dinar, harga-harga akan sentiasa kekal dan perdagangan akan stabil dan meningkat."

Dr Mahathir juga berkata spakulator dan manipulator (mata wang) tidak akan dapat melemahkan perdagangan antarabangsa. -- BERNAMA

MSL MR MKO NHD JR